

07/01/2003

Pakej rangsangan terbaru tahun ini

Kadir Dikoh

KERAJAAN mungkin melaksanakan satu lagi pakej rangsangan tahun ini bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah seperti menyuntik dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang bagi projek jangka pendek mungkin diambil bagi meningkatkan pengedaran wang dalam negara.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan memberitahu butir lanjut mengenai langkah yang bakal diambil.

"Kita memilih untuk tidak umum, cuma untuk melaksanakannya.

"Ini kerana apabila anda umumkan, orang tahu apa yang anda hendak buat dan mereka akan mengambil langkah tertentu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri perhimpunan perdana ke-empat Perkhidmatan Awam dan majlis perasmian Pusat Teknologi Pengurusan, Institut Tadbiran Awam (Intan) di Kuala Lumpur, semalam.

Jika kerajaan melaksanakan pakej rangsangan tahun ini, ia adalah yang ketiga sejak pakej pertama dilaksanakan pada Mac 2001.

Dalam pakej rangsangan pertama itu, kerajaan menyuntik dana sebanyak RM3 bilion.

Ia kemudian menambah sebanyak RM4.3 bilion lagi pada penghujung 2001, iaitu selepas peristiwa serangan 11 September di Amerika Syarikat.

Mengenai insentif kepada pelabur asing, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, ia akan terus diberikan.

"Kita selalu duduk berbincang dengan mereka dan bertanya apa lagi yang mereka mahu kita lakukan. Tetapi pada masa yang sama kita tahu tidak banyak wang digerakkan dan orang ramai bimbang.

"Ia bukan apa yang kita tidak boleh lakukan, ia adalah apa yang mereka percaya dalam kemampuan pelaburan mereka," katanya ketika mengulas mengenai senario pelaburan Malaysia.

Perdana Menteri juga berkata, ekonomi Malaysia tahun lalu dijangka berkembang empat peratus berdasarkan perkembangan menggalakkan pada suku ketiga dan keempat.

Bank Negara (BNM) dijangka mengumumkan angka rasmi pertumbuhan ekonomi bagi seluruh tahun lalu pada akhir bulan depan.